

## Pasar raya gagal pameran tanda harga kena kompaun di Sarikei

2020-05-31T14:28:21+08:00  
oleh Kepu Sidi



**SARIKEI:** Sebuah pasar raya di sini dikenakan kompaun sebanyak RM2,000 kerana gagal meletakkan tanda harga ke atas barangan yang dipamer untuk jualan.



Ketua Cawangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarikei, Mohamad Zawawi (*gambar*) berkata, kejayaan tersebut adalah hasil maklumat awam dan juga melalui pemantauan yang dijalankan oleh pihak penguatkuasa.

"Sebanyak 35 premis diperiksa pada pemeriksaan hari ini dan berjaya mencatatkan sebanyak tiga kes iaitu dua kes di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 (kompauun RM 3,000.00) dan satu kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 (kompauun RM100.00).

"Secara keseluruhan, sebanyak 2,516 premis diperiksa dan sebanyak 65 kes dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM63,174.00 serta kompauun RM8,400.00 bermula dari Januari tahun ini sehingga 31 Mei 2020.

"Pihak KPDNHEP Sarikei juga mengingatkan agar para peniaga sentiasa mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan juga Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SKHMMP) Hari Raya dan Gawai 2020 yang sedang berkuat kuasa," katanya dalam kenyataan kepada media, hari ini.



### **Barangan yang dijual tanpa tanda harga di pasar raya berkenaan.**

Menurut Mohamad, bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga tidak bertanggungjawab, tindakan pengeluaran notis di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan dilaksanakan ke atas mana-mana pihak didapati menaikkan harga barangan secara mendadak dan ketara.



Justeru, kata Mohamad para peniaga dinasihatkan agar merujuk dan mematuhi SKHMMP Hari Raya dan Gawai 2020 yang berkuat kuasa dari 20 Mei 2020 sehingga 3 Jun 2020 akan datang.

"Sekiranya didapati ada peniaga yang tidak mematuhi undang-undang berkenaan dengan Skim ini, aduan boleh disalurkan kepada Kementerian melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau portal e-aduan KPDNHEP di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian WhatsApp 019-2794317 atau hadir sendiri di mana-mana pejabat Kementerian yang berhampiran supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

"Sepanjang tempoh PKPB ini, bilik gerakan Enforcement Command Centre KPDNHEP Sarikei di buka dari jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang setiap hari dan boleh dihubungi untuk menyalurkan apa-apa aduan seperti talian 084-657751," ujar Mohamad lagi.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/31/pasar-roya-gagal-pamer-tanda-harga-kena-kompaun-di-sarikei>

